

FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT  
UNIVERSITI MALAYA

SISTEM TUNTUTAN KEWANGAN STAF  
(CLAIM SYSTEM FOR STAFF)



LAPORAN LATIHAN ILMIAH TAHUN AKHIR  
WXET 3182

DI BAWAH PENYELIAAN  
PUAN FARIZA HANUM NASARUDDIN

OLEH:  
MUHAINI ABDULLAH SAJAT

WET 97069  
SESI 2000/2001

**KANDUNGAN****MUKA****SURAT**

ABSTRAK	VI
PENGHARGAAN	VII
BAB 1= PENGENALAN	1
1.1 TUJUAN, KESESUAIAN DAN KEPENTINGAN	3
1.2 HASIL YANG DIJANGKA	4
1.3 SKOP	5
1.3.1 PEMOHON	5
1.3.2 PEMBERI KELULUSAN	5
1.3.3 PENTADBIR	6
1.4 JADUAL AKTIVITI	7
1.5 KEMUDAHAN YANG DIPERLUKAN	9
BAB 2 =LITERASI KARYA	10
2.1 APA ITU ELAUN @ 'CLAIM'	10
2.2 KONSEP PELAYAN /PELANGGAN	12
2.3 MENGAPA PELAYAN/ PELANGGAN	13
2.4 APAKAH PROSES PELANGGAN	14
2.5 APAKAH PROSES PELAYAN	14



2.6 SENIBINA PELAYAN/PELANGGAN	15
2.6.1 SENIBINA 2-TIER	15
2.6.2 SENIBINA 3-TIER	15
2.7 KONSEP IMPLEMENTASI PANGKALAN DATA	16
2.7.1 PANGKALAN DATA HUBUNGAN	16
2.7.2 SISTEM PENGURUSAN PANGKALAN DATA	16
2.7.3 SISTEM PENGURUSAN PANGKALAN DATA HUBUNGAN	16
2.7.4 BAHASA PENGATURACARAAN PIAWAI	17
2.7.5 PERKAKASAN TENGAH	17
2.8 SISTEM SEKARANG DI FSKTM	18
2.9 SISTEM TUNTUTAN KEWANGAN DENGAN PENDEKATAN BARU	19
BAB 3 –ANALISIS SISTEM	
3.1 PENGUMPULAN MAKLUMAT	21
3.2 PENGANALISAAN MAKLUMAT	21
3.3 KEPERLUAN FUNGSIAN	22
3.3.1 MODUL PEMOHON	22
3.3.2 MODUL PEMBERI KELULUSAN	22
3.3.3 MODUL PENTADBIR	22
3.4 KEPERLUAN BUKAN FUNGSIAN	23
3.5 METODOLOGI	24



3.6 PERTIMBANGAN KE ATAS TEKNOLOGI BAHASA PENGATURCARAAN	25
3.6.1 POWERBUILDER	25
3.6.2 VISUAL BASIC 6.0	25
3.7 PERTIMBANGAN KE ATAS TEKNOLOGI PANGKALAN DATA	27
3.7.1 SQL SERVER 6.5	27
3.7.2 MS ACCESS 97	27
3.8 KESIMPULAN KE ATAS ANALISIS TEKNOLOGI	29
3.9 KEPERLUAN DAN SPESIFIKASI PERKAKASAN	30
3.10 KEPERLUAN PERISIAN	30
 BAB 4 = REKABENTUK SISTEM	 45
4.1 REKABENTUK STRUKTUR SISTEM	32
4.2 REKABENTUK SKRIN	33
4.3 REKABENTUK PANGKALAN DATA	34
 BAB 5 – PENGKODAN	 38
5.1 FAKTOR-FAKTOR YANG DIBERI PENEKANAN SEMASA PENGKODAN	38
5.2 CARA PENGKODAN	40





## BAB 6 – PENGUJIAN DAN PENYELENGGARAAN

6.1 PENGUJIAN UNIT	42
6.2 PENGUJIAN INTEGRASI	42
6.3 PENGUJIAN SISTEM	43
6.4 PENYELENGGARAAN	43

## BAB 7 – KELEBIHAN DAN KEKANGAN

7.1 KELEBIHAN CSSTAFF	44
7.2 KEKANGAN CSSTAFF	44

## BAB 8 – MASALAH DAN PENYELESAIAN

45

## BAB 9 – CADANGAN DAN KESIMPULAN

9.1 CADANGAN	46
9.2 KESIMPULAN	47

## MANUAL PENGGUNA

## LAMPIRAN A

## LAMPIRAN B

## RUJUKAN

**SENARAI GAMBARAJAH**

RAJAH 1.4a	JADUAL AKTIVITI	7
RAJAH 1.4b	CARTA GANTT	8
RAJAH 3.5a	MODEL PROTOTAIP	24
RAJAH 4.1.1a	MODUL MENU UTAMA CSSTAFF	36
RAJAH 4.1.1b	SUBMODUL PEMOHON	36
RAJAH 4.1.1c	SUBMODUL PEMBERI KELULUSAN	37
RAJAH 4.1.1d	SUBMODUL PENTADBIR	37

**ABSTRAK**

Sistem tuntutan kewangan bagi staff di Fakulti Sains Komputer dan teknologi maklumat merupakan satu sistem yang berdasarkan aplikasi intranet. Objektif daripada projek ini adalah untuk mengurangkan masa bagi proses penerimaan wang yang dituntut oleh kakitangan, meningkatkan cara yang konservatif dalam memohon tuntutan kewangan dan mengurangkan penggunaan kertas. Dalam proposal ini juga dicadangkan beberapa rekabentuk untuk memudahkan lagi pemahaman pembaca.



## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dipanjatkan kehadiran ilahi, kerana dengan limpah kurnianya dapatlah saya menyiapkan Latihan Ilmiah I ini.

Tidak dilupakan juga kepada kedua ibu bapa saya yang telah memberi saya dorongan dan sokongan untuk meneruskan pembelajaran selama ini.

Terima kasih buat Puan Fariza Hanum dalam memberi tunjuk ajar serta cadangan sepanjang projek ini berjalan.

Akhir sekali ditujukan buat rakan-rakan yang telah memberikan pandangan dan idea secara langsung atau tidak langsung.



## BAB 1

## Pengenalan

**BAB 1****PENGENALAN**



## BAB 1

## Pengenalan

Perkembangan teknologi maklumat bermula dengan perkembangan komputer. Komputer mula digunakan di Malaysia dalam tahun 1960-an dalam bentuk rangka utama (mainframe). Komputer ini sangat besar, mahal dan menggunakan kuasa elektrik yang sangat tinggi serta sukar untuk digunakan. Biasanya 'mainframe' ini hanya digunakan untuk memproses data bagi kegunaan pentadbiran dan pendidikan. Perubahan teknologi dunia yang begitu pesat menjadikan komputer sebagai alat yang begitu bermakna dalam kehidupan manusia.

Menurut Peter Drucker dalam artikel (Harvard Business Review, Jan – Feb'85) yang bertajuk 'The Coming of a New Organisation' atau 'Kemunculan Organisasi Baru' menyatakan bahawa 20 tahun dari sekarang, tahap pengurusan akan berubah di mana perubahan ini bersandarkan kepada teknologi maklumat. Berkomunikasi dengan komputer akan menjadi lebih cepat dan cekap berbanding dengan corak pengurusan sebelum perkembangan ini bermula.

Perkembangan teknologi masa kini telah mendorong pembangun-pembangun sistem mewujudkan pelbagai perisian. Persaingan yang wujud adalah untuk memenuhi keperluan-keperluan pengguna selari dengan perkembangan teknologi maklumat pada abad ini. Sistem yang akan dibangunkan ini adalah bertepatan dengan perkembangan semasa dan keperluan pengguna yang sentiasa inginkan pembaharuan di samping dapat meminimumkan penggunaan masa.



Laporan kajian ini akan menerangkan metodologi pembangunan sistem. Sistem ini dikenali sebagai Sistem Tuntutan Kewangan bagi staff Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) atau 'Claim system for staff' (CSSTAFF). Sistem ini adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan pengguna terhadap penggunaan tuntutan kewangan berkomputer.

Sebagai memenuhi kehendak dan keperluan pengguna, perisian ini akan menekankan kepada aspek-aspek pencarian mudah dan penerangan yang mudah difahami. Ia juga akan menyediakan khidmat bantuan kepada pengguna sesuai dengan konsep mesra pengguna.

Objektif utama CSSTAFF ini adalah

1. Meningkatkan keupayaan bahagian pengurusan untuk dalam menyelesaikan masalah yang timbul
2. Data dapat disimpan dengan selamat
3. Mengurangkan penggunaan kertas
4. Memudahkan staf membuat tuntutan
5. Pemprosesan tuntutan dapat dijalankan dengan pantas dan berkesan kepada staf di mana staf tidak perlu menunggu lama untuk menerima wang yang dituntut.

Kesesuaian

Projek ini sesuai dalam bidang pengurusan. Ia merupakan satu sistem yang baru dipraktikkan di FSKTM.





## 1.1 Tujuan, Kesesuaian & Kepentingan

### Tujuan

Tujuan Sistem Tuntutan Kewangan bagi staf FSKTM (CSStaff) ini adalah untuk menyediakan satu sistem kepada bahagian pengurusan FSKTM. Program ini dibangunkan untuk kakitangan FSKTM buat permulaannya dan diharap sistem ini dapat diperkembangkan ke fakulti-fakulti lain di Universiti Malaya. Pengurusan ke atas tuntutan elaun ini secara tidak langsung dapat memberikan perkhidmatan cekap, pantas dan berkesan kepada semua staf.

Objektif utama CSStaff ini adalah:

1. Meningkatkan keupayaan bahagian pengurusan tuntutan dalam menyelesaikan masalah yang timbul
2. Data dapat disimpan dengan selamat
3. Mengurangkan penggunaan kertas
4. Memudahkan staf membuat tuntutan
5. Pemprosesan tuntutan dapat dilaksanakan dengan pantas dan berkesan kepada staf di mana staf tidak perlu menanti terlalu lama untuk menerima wang yang dituntut.

### Kesesuaian

Projek ini sesuai dalam bidang pengurusan. Ia merupakan satu sistem yang baru dipraktikkan di FSKTM.





## Kepentingan

Projek ini merupakan satu sistem yang baru diperkenalkan di FSKTM dan akan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna. Tugas pengendali tuntutan elaun ini akan bertambah cepat dan cekap. Manakala pihak yang membuat tuntutan akan memperolehi apa yang dituntut dengan segera.

### 1.2 Hasil yang dijangka

Pengurusan tuntutan yang cepat dan cekap akan memudahkan kedua-dua pihak yang terlibat iaitu pihak pengendali tuntutan dan pihak yang membuat tuntutan. Diharapkan daripada projek ini dapat menghasilkan sistem pengurusan tuntutan kewangan yang lengkap bagi FSKTM.

Hasil daripada projek ini adalah untuk membantu pihak pengurusan. Output daripada sistem ini adalah :

- Pelbagai jenis laporan (harian, bulanan, tahunan)
- Data disimpan dengan selamat
- Sistem ini dapat menjadikan tugas bahagian pengurusan menjadi lebih efisien



### 1.3 Skop

Sistem tuntutan elaun ini akan meliputi semua kakitangan pengguna akademik dan bukan akademik seperti pensyarah di fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM). Permohonan tuntutan elaun ini adalah berdasarkan kedudukan gred gaji atau gred perkhidmatan. Staf yang bekerja di FSKTM ini ada yang menerima Sistem Saraan Baru (SSB) dan tidak menerima SSB. Di dalam Sistem ini skop diperkecilkan kepada staf yang tidak menerima SSB dan tuntutan elaun hanya di dalam negeri sahaja.

Dalam sistem ini akan melibatkan 3 komponen utama yang penting iaitu pemohon (applicant), pemberi kelulusan (approver) dan pentadbir (administrator).

#### 1.3.1 Pemohon (applicant)

- Merupakan pengguna yang menggunakan CSStaff yang hendak memohon tuntutan. Pengguna ini akan merujuk kepada modul pemohon dan diperlukan untuk mengisi borang elektronik.

#### 1.3.2 Pemberi kelulusan (approver)

- Mereka yang memberi kelulusan ini terdiri daripada pengguna yang telah dikonfigurasi dan dilantik oleh pihak pentadbir untuk memberi pengesahan wang yang dituntut. Mereka ini terdiri biasanya adalah Dekan fakulti atau wakilnya.



### 1.3.3 Pentadbir (approver)

- Pengguna CSStaff yang bertanggungjawab untuk mengekalkan dan mengkonfigurasi keseluruhan sistem.

Tanggungjawab utamanya adalah untuk memastikan aliran kerja berjalan dengan lancar untuk memproses permohonan tuntutan kewangan.

Fasa-fasa	Aktiviti
1. Kajian awal dan arcahan sistem	Menentukan objektif sistem Menentukan keperluan sistem Menyediakan skema projek Memilih dan menentukan model pembangunan sistem untuk pelaksanaan modul pembangunan sistem
2. Rekabentuk sistem	Rekabentuk antaramuka sistem Rekabentuk pangkalan data Membina carta hirarki
3. Pelaksanaan	Mempelajari penggunaan Microsoft Access dan Visual Basic
4. Pengujian sistem	Rekabentuk data ujian Menguji modul-modul Membandingkan keputusan ujian dengan keputusan sebenar
5. Penyelenggaraan sistem	Memperbaiki perubahan pada sistem

Jadual 1.4a : Fasa-fasa pembangunan sistem.





## 1.4 Jadual aktiviti


Perancangan projek dibuat untuk memastikan supaya projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Masa yang diperlukan adalah 7 bulan dan pembangunan CSStaff dibahagikan mengikut fasa.

Fasa-fasa	Aktiviti
1. Kajian awal dan analisa sistem	Menentukan objektif sistem Menentukan keperluan sistem Menyediakan skedul projek Memilih dan menentukan model pembangunan sistem untuk pelaksanaan modul pembangunan sistem
2. Rekabentuk sistem	Rekabentuk antaramuka sistem Rekabentuk pangkalan data. Membina carta hirarki.
3. Perlaksanaan	Mempelajari penggunaan Microsoft Access dan Visual Basic.
4. Pengujian sistem	Rekabentuk data ujian. Menguji modul-modul. Membandingkan keputusan ujian dengan keputusan sebenar.
5. Penyelenggaraan sistem	Memperbaiki perubahan pada sistem.

Jadual 1.4a : Fasa-fasa pembangunan sistem.



RAJAH 1.4b : CARTA GANTT BAGI PENJADUALAN CSSTAFF





## 1.5 Kemudahan yang diperlukan

### Keperluan Perisian (software)

Peralatan yang diperlukan untuk membangunkan sistem iaitu Visual Basic 6.0. selain daripada itu, sistem ini juga memerlukan Program Pelayan Pelanggan (Client/Server). Selain daripada itu pengaksesan ke dalam internet juga perlu untuk mencari maklumat yang bersesuaian.

### Keperluan Perkakasan (hardware)

SQL Server dan beberapa buah komputer untuk mengimplementasikan sistem yang dicadangkan.

## BAB 1

## Literasi Karya

**BAB 2**

Pada masa sekarang, tingkat kecenderungan...

...antara muka, melalui penggunaan antara muka yang konsisten dapat serta  
fleksibel dalam pertukaran maklumat secara sepadan. Selain itu, di  
dalam bentuk ini juga boleh mengatasi hampir semua kekurangan yang sedia ada  
secara menyeluruh.

**2.1 Apakah hujah dalam 2.1 dan?**

Sebelum melangkah lebih jauh, kita haruslah ingat bahawa dengan  
menggunakan data ini, kita boleh memahami data yang lebih kompleks  
melalui satu cara yang lebih mudah dan lebih cepat.

**LITERASI KARYA**

Karya dan karya yang dihasilkan melalui penggunaan data ini  
maka kita boleh memahami data yang lebih kompleks dan lebih cepat  
melalui satu cara yang lebih mudah dan lebih cepat.

Maklumat yang boleh dijumpai dalam maklumat adalah seperti nama pengguna  
bayaran, nombor akaun, nombor akaun, nombor akaun, nombor akaun, nombor akaun,  
nama bank, jenis perkhidmatan, jumlah bayaran, maklumat berkaitan dengan  
bayaran dibuat serta tarikh bayaran dibuat.





## BAB 2

### Literasi Karya

Pada masa sekarang , terdapat kecenderungan penggunaan PC (Personel Computer) dengan 'grafical user interface' ( GUI ) dan memasuki rangkaian pertukaran data. PC dengan GUI menyediakan kemudahan untuk menggunakan antara muka, meliputi penggunaan antara muka yang konsisten, cepat serta fleksibel dalam pertukaran maklumat secara sepintas lalu. Sistem yang direka bentuk ini juga boleh mengatasi hampir semua kesukaran yang ada pada sistem secara sendirian .

#### 2.1 Apakah tuntutan elaun @ 'claim'?

Sebelum melangkah lebih jauh lagi, apakah yang dimaksudkan dengan tuntutan elaun atau claim? Di dalam sistem pemprosesan data kewangan, tuntutan merupakan satu bayaran yang membenarkan cetakan secara automatik kepada pemilik yang dibenarkan untuk memasuki pemeriksaan konvensional.

Rangka draf pemilik yang memohon tuntutan merangkumi dokumen di mana resit yang dikemukakan oleh orang yang akan menerima bayaran. Rangka ini mengandungi maklumat yang boleh dibaca oleh manusia dan juga mesin.

Maklumat yang boleh dibaca oleh manusia adalah seperti nama penerima bayaran, nombor akaun pembuat bayaran, nombor rujukan penerima bayaran, nama bank bagi pembuat bayaran, jumlah bayaran, maklumat berkenaan sebab bayaran dibuat serta tarikh bayaran dibuat.





Data yang boleh dibaca oleh mesin terdiri daripada nombor transit/routing pembuat bayaran, nombor akaun pembuat bayaran serta jumlah bayaran.

2.2 Di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil 4 Tahun 1992, ada menyatakan beberapa syarat dan kadar tuntutan elaun semasa berkursus. Kadar dan syarat tuntutan elaun adalah berbeza di antara pegawai yang berkursus di dalam atau di luar negeri, pegawai yang menerima atau tidak menerima Sistem Saraan Baru(SSB) dan sebagainya.

Di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi maklumat (FSKTM), kakitangan atau staf yang hendak membuat tuntutan perlu mengisi borang yang telah disediakan oleh pihak Bendahari Universiti Malaya. Borang ini perlu diisi dan dikembalikan ke bahagian yang menguruskan tuntutan di FSKTM dan perlu disahkan oleh Dekan atau wakilnya sebelum dihantar semula ke Bendahari Universiti Malaya untuk diproses.

Kebiasaannya staf di fakulti ini membuat tuntutan elaun sekiranya mereka ditugaskan oleh fakulti untuk bekerja di luar Universiti Malaya seperti menghadiri 'conference' atau mesyuarat di sesebuah tempat ataupun di dalam Universiti Malaya. Ada juga dikalangan pensyarah yang ditugaskan untuk menyelia pelajar yang sedang menjalani latihan industri. Mereka boleh memohon tuntutan kewangan atas perbelanjaan yang mereka telah belanjakan semasa membuat tugas-tugas yang telah disebutkan tadi.

Perbelanjaan ini boleh meliputi tambang perjalanan, makan, minyak, penginapan, yuran pendaftaran untuk sesuatu seminar yang dihadiri dan sebagainya. Semua perbelanjaan ini perlulah disertakan dengan resit sebagai bukti mereka telah mendahulukan wang mereka untuk melaksanakan tugas-tugas yang telah diamanahkan oleh pihak fakulti.



Sistem yang akan dibangun nanti, pembangun sistem hanya akan tertumpu di FSKTM sahaja dan tidak melibatkan pihak Bendahari.

## 2.2 Konsep Pelayan/Pelanggan (Client/Server)

Konsep Pelayan/Pelanggan adalah merupakan satu senibina perisian teragih (distributed software) di mana tugas-tugas diagihkan kepada pelanggan dan pelayan akan melaksanakan tugas yang dipohon oleh pelanggan. Dalam keadaan ini pengguna akhir adalah lebih fleksibel di mana mereka boleh memanipulasikan data yang mereka mahu.

Konsep ini juga berdasarkan kepada dialog antara pelayan dan pelanggan. Pelanggan akan menghantar permintaan atau pilihan kepada pelayan dan pelayan akan melaksanakan tugas atas permintaan pelanggan. Setiap tugas ini akan diproses dan pelayan melaksanakan dengan menggunakan modul-modul yang telah dibentuk. Modul dalam Pelayan/Pelanggan ini boleh bekerjasama antara satu sama lain. Pelayan hanya akan melaksanakan tugasnya setelah menerima pilihan perisian dari pelanggannya.

Pandangan secara ringkas adalah seperti berikut: [Dolf, Pieter, 1997]

- Pelayan pencetak – untuk mencetak dokumen
- Pelayan fail – untuk simpan fail yang diakses oleh pengguna
- Pelayan pangkalan data – untuk memproses dan menyimpan data
- Pelayan aplikasi – menyimpan aplikasi organisasi di mana ia akan diagihkan kepada pelanggan. Ia boleh juga digunakan untuk menjalankan aplikasi yang spesifik.
- Pelayan komunikasi – proses komunikasi antara pelbagai jaringan (network), protokol dan komputer. Pelayan ini juga boleh digunakan untuk menguruskan 'network'





- Pelayan proses transaksi – melaksanakan transaksi. Pelayan ini digunakan untuk membawa data pada kadar kelajuan yang tinggi dan dapat menyokong pengguna yang ramai.

## 2.3 Mengapa Pelayan/Pelanggan?

Pelayan/pelanggan adalah sambungan logikal kepada pengaturcaraan modular. Pengaturcaraan modular ini adalah anggapan asas dimana pemisahan perisian kepada beberapa bahagian tersendiri (modul). Modul ini adalah mudah untuk pembangunan sistem serta ia memberikan keupayaan pengekalan yang baik. Pelayan/pelanggan computing mengambil langkah ini dengan mengenalpasti modul-modul yang tidak perlu dilaksanakan dalam ruang memory yang sama. Dengan senibina ini, modul yang dipanggil dikenali sebagai 'pelanggan' (yang meminta perkhidmatan) dan modul yang telah dipanggil dikenali sebagai 'pelayan' (yang menyediakan perkhidmatan).

Pelaksanaan sebegini adalah supaya pelayan dan pelanggan dilaksanakan pada platform perisian dan perkakasan yang betul bagi setiap fungsinya. Contoh : pelayan sistem pengurusan pangkalan data dilaksanakan di atas platform yang telah dibentuk dan dikonfigurasi khas untuk menjalankan 'queries' atau pelayan fail dilaksanakan di atas platform yang menguruskan fail.





## 2.4 Apakah Proses Pelanggan?

Pelanggan adalah proses atau program yang menghantar maklumat kepada pelayan proses permintaan dimana pelayan ini akan melaksanakan tanggungjawabnya. Program pelanggan biasanya berurusan dengan antaramuka pengguna, memasukkan data pengguna dan menghantar permintaan kepada program pelayan. Proses Pelanggan ini adalah berdasarkan kepada aplikasi 'front-end'. Proses Pelanggan ini mengandungi penyelesaian yang spesifik dan menyediakan antaramuka pengguna dan keseluruhan aplikasi sistem. Proses pelanggan ini juga menguruskan sumber di mana pengguna berinteraksi bersama-sama seperti monitor, papan kekunci, stesen kerja CPU dan juga peranti-peranti. Salah satu daripada elemen kepada stesen kerja pelanggan adalah GUI (graphic user interface). [Renaud, p, 1996]

## 2.5 Apakah Proses Pelayan?

Proses pelayan melengkapkan permohonan pelanggan dengan menunaikan tugas yang diminta. Program pelayan biasanya menerima permohonan daripada program pelanggan, melaksanakan pencarian di dalam pangkalan data dan mengemaskini serta memastikan integriti data dan memberi tindakbalas kepada permintaan pelanggan. Proses pelayan ini adalah berdasarkan kepada 'kemungkinannya' untuk berfungsi ke atas mesin yang lain di dalam jaringan. Pelayan ini boleh jadi 'host' bagi sistem operasi atau pelayan fail jaringan kerja. Pelayan ini akan menyediakan perkhidmatan fail dan aplikasi. Proses pelayan ini bertindak sebagai enjin perisian yang menguruskan perkongsian sumber seperti pangkalan data, pencetak, saluran komunikasi atau pemproses berkuasa tinggi. Proses pelayan ini bertindak sebagai tugas 'back-end'. [Renaud, p, 1996]



## 2.6 Senibina Pelayan/Pelanggan

Senibina Pelayan/Pelanggan ini boleh dikategorikan mengikut bilangan implementasi 'tier', bermula dari '2-tier' sehingga kepada '3-tier' yang ditemui di dalam persekitaran pelayan/pelanggan.

### 2.6.1 Senibina 2-tier

- Senibina 2-tier adalah di mana pelanggan berhubung terus kepada pelayan. Biasanya ia digunakan pada persekitaran yang kecil (kurang daripada 50 pengguna). Kesilapan yang biasa di dalam persekitaran pelayan/pelanggan adalah memohon prototaip yang kecil di persekitaran '2-tier' dan dengan sewenang-wenangnya menambahkan pengguna secara berlebihan kepada pelayan. Keadaan ini akan menyebabkan sistem menjadi kurang efektif.

### 2.6.2 Senibina 3-tier

- Senibina 3-tier memperkenalkan kepada pelayan (@ agen) antara pelanggan dan pelayan. Peranan agen ini sangat banyak, ia menyediakan perkhidmatan penterjemahan (mengadaptasikan kepada aplikasi yang diwarisi ke atas kerangka utama -mainframe- kepada persekitaran pelayan/pelanggan), perkhidmatan meter (bertindak sebagai monitor transaksi untuk menghadkan bilangan pengguna yang membuat permohonan serentak).

Kelebihan utama dari sistem ini ialah kebolehan untuk memperkembangkan lagi penggunaan komputer peribadi. Ini adalah kerana adanya pemisahan proses antara sistem pelanggan dengan penyedia pangkalan data. Pembahagian kerja juga mengurangkan beban kepada rangkaian penyambungan antara tempat kerja.





## 2.7 KONSEP IMPLEMENTASI PANGKALAN DATA

### 2.7.1 Pangkalan Data Hubungan

Komponen asas bagi pangkalan data ini ialah entiti dan atribut. Komponen asas ini akan membentuk jadual, maka pangkalan data hubungan terdiri daripada jadual-jadual. Normalisasi adalah proses mengatur dan menyusun jadual dalam bentuk yang konsisten dan lengkap. Setiap jadual boleh dikaitkan di antara satu sama lain dengan mewujudkan hubungan di antara jadual-jadual itu. Kunci primer bagi jadual merupakan medan sesebuah jadual yang dipilih untuk mengenal semua atribut di dalam baris yang diberi, yang mana tidak boleh mengandungi kemasukan nol. Kunci asing (foreign key) adalah atribut atau kombinasi atribut dalam sebuah jadual, yang mana nilainya adalah sepadan dengan kunci primer jadual yang lain dan boleh mengambil nilai nol.

### 2.7.2 Sistem Pengurusan Pangkalan Data

Sistem pengurusan pangkalan data (DBMS) adalah persekitaran yang dibangunkan untuk tujuan bekerja dengan pangkalan data. DBMS merujuk kepada sistem elektronik atau rekabentuk aturcara komputer untuk bekerja dengan pangkalan data. Contoh DBMS ialah Microsoft Access dan FoxPro.

### 2.7.3 Sistem Pengurusan Pangkalan Data Hubungan

Di dalam sistem pengurusan pangkalan data hubungan (RDBMS) ini, seperti pelayan SQL, pangkalan data tidak semestinya tertakluk kepada fail sahaja. Ia lebih kepada konsep logikal yang berdasarkan koleksi objek-objek berkaitan.





## 2.7.4 Bahasa Pertanyaan Piawai

Bahasa pertanyaan piawai (SQL) direka khas untuk pertanyaan (query) pangkalan data. Bahasa ini mempunyai tiga bahagian utama iaitu *Data Definition Language*, *Data Manipulation Language* dan *Model Language*.

*Data Definition Language* (DDL) digunakan untuk membina jadual pangkalan data dan memperuntukkan kuasa capaian. *Data Manipulation Language* (DML) digunakan untuk memanipulasi data yang disimpan di dalam pangkalan data seperti memasukkan rekod baru, memadam rekod dan memanggil rekod. SQL pula boleh digunakan di dalam kod sumber bahasa pengaturcaraan seperti COBOL. Ini dinamakan SQL terbenam (embedded SQL) yang merupakan *Model Language*.

## 2.7.5 Perkakas-tengah

Perkakas-tengah adalah lapisan yang berasingan yang mengawal komunikasi di antara sistem back-end (pelayan) dan sistem front-end (pelanggan) .



## 2.8 Sistem sekarang di FSKTM

Di FSKTM sistem yang digunakan sekarang boleh digunakan untuk menguruskan tuntutan tetapi pengurusan dengan cara ini masih lagi berhadapan dengan pelbagai masalah. Berikut adalah masalah yang dihadapi dengan menggunakan sistem yang sedia ada :

- I. Tidak ramah pengguna
  - Penggunaan kertas
- II. Tidak sistematik
  - Keterangan staf tidak direkod dengan sistematik. Ini akan mengakibatkan pembaziran waktu semasa pentadbir mencari rekod tersebut.
- III. Tidak tepat
  - Cara ini tidak memberikan ketepatan semasa mengira jumlah tuntutan bagi seseorang kakitangan atau keseluruhan staf dimana pentadbir perlu mengira satu persatu dan ini boleh menyebabkan kesilapan semasa membuat pengiraan.
- IV. Kurang selamat
  - Data disimpan dalam kertas di mana sesiapa sahaja boleh membacanya.





## 2.9 Sistem tuntutan kewangan dengan menggunakan pendekatan baru

- I. Ramah pengguna
  - Mudah dan lebih menarik untuk memperolehi dan menyimpan data. Bila berlaku kesilapan, pengguna dengan mudah dapat mengenalpasti kesilapan tersebut daripada mesej silap.
- II. Bersistematik
  - Rekod staf adalah berdasarkan kepada kelas pekerjaan pekerja tersebut. Contohnya pensyarah adalah kakitangan di dalam kelas A.
- III. Keselamatan
  - Hanya staf yang berdaftar serta mempunyai kata laluan sahaja yang dibenarkan untuk melihat data. Mereka perlu mendaftar (log-in) dengan mengisi nama dan kata laluan. Jika katalaluan tidak sama semasa pendaftaran, mereka tidak dibenarkan membuat 'claim' atau mengira jumlah tuntutan.
- IV. Ketepatan
  - Pengiraan dapat dilakukan dengan tepat dan jitu.
- V. Mudah untuk dikemaskini
  - Sebarang kesilapan ,pengemaskinian dan pertambahan kepada pangkalan data akan memberi kesan serta merta. Untuk memastikan bahawa maklumat didalam pangkalan data adalah yang terkini.

### Kesimpulan

Dengan kemajuan teknologi komputer dan teknologi komunikasi, sistem tuntutan kewangan ini dapat memberikan satu sistem yang efektif dan efisien.



## BAB 3

## Analisis Sistem

**BAB 3****ANALISIS SISTEM**

- 1) Menentukan tujuan sistem
- 2) Mengetahui kebutuhan sistem
- 3) Mendokumentasikan keperluan sistem
- 4) Membuat keputusan



## BAB 3

### Analisis Sistem

Berdasarkan kajian permulaan, sesuatu keputusan akan diambil oleh pihak pengguna, pengurusan dan komputer sama ada masalah yang dihadapi boleh diselesaikan dengan penggunaan sistem berkomputer. Jika pendekatan ini difikirkan sebagai suatu pendekatan yang terbaik, maka fasa ini akan dilaksanakan.

Dalam fasa ini, masalah sistem yang wujud ini perlu dikenalpasti, kelemahan dan manfaat sistem lama perlu diteliti dan objektif-objektif serta kriteria-kriteria prestasi perlu dicapai oleh sistem perlu ditentukan. Fasa ini melibatkan kajian yang teliti dan terperinci tentang langkah-langkah serta aliran kerja yang dilaksanakan oleh sistem baru dapat ditentukan.

Analisa ke atas sistem membolehkan pembangun sistem untuk menentukan fungsian perisian dan bagaimana persembahan sistem tersebut, mengenalpasti antaramuka perisian dengan elemen sistem yang lain. Analisis ini akan hanya memfokuskan kepada modul tuntutan kewangan.

Matlamat utama adalah untuk memenuhi keperluan berikut:

- 1) Menentukan keperluan sistem
- 2) Menganalisis keperluan sistem
- 3) Mendokumentasikan keperluan sistem
- 4) Membuat keputusan



### 3.1 Pengumpulan maklumat

Fasa ini melibatkan pemungutan maklumat bagi sistem. Aktiviti pengumpulan maklumat melibatkan :

- Temuramah

Maklumat diperolehi melalui temuramah dengan Puan Norziah iaitu kerani yang menjalankan urusan 'claim' daripada staf FSKTM.

- Rujukan

Maklumat juga diperolehi daripada buku rujukan dan juga internet.

### 3.2 Penganalisaan maklumat

Setelah maklumat dikumpul, maklumat tersebut diisih dan diringkaskan untuk memudahkan sistem dibahagikan mengikut jenis maklumat. Fasa ini memakan masa yang agak lama disebabkan data yang terlalu banyak dan ada di antaranya sukar difahami.

Seterusnya perancangan untuk membahagikan kandungan sistem kepada beberapa modul berdasarkan maklumat-maklumat yang dipilih.





### 3.3 Keperluan Fungsian

Keperluan fungsian ini adalah merupakan keperluan yang akan memenuhi keperluan pengguna. Berikut adalah keperluan bagi CSStaff

#### 3.3.1 Modul Pemohon.

1. Keselamatan
- Pemohon adalah pengguna sistem 'claim'. Mereka akan dirujuk kepada modul pemohon dan diperlukan untuk mengisi borang elektronik.

#### 3.3.2 Modul Pemberi Kelulusan

2. Back-up data
- Pemberi kelulusan ini akan memproses 'claim' yang telah dibuat oleh kakitangan dan seterusnya memberi kelulusan atau menolak 'claim' tersebut.

#### 3.3.3 Modul Pentadbir

- Sistem dianggotai bertindak seperti yang dikehendaki dengan Pentadbir akan menguruskan aliran kerja. Mereka akan mengkonfigurasi permohonan 'claim' daripada staf dan membuat perubahan sekiranya terdapat kesilapan semasa pengisian borang 'claim' elektronik yang telah dihantar oleh staf.



### 3.4 Keperluan bukan fungsian

Selain daripada keperluan fungsian, CSStaff juga terdiri daripada keperluan bukan fungsian. Keperluan ini adalah subjektif tapi penting seperti keperluan fungsian.

#### 1. Keselamatan

- Sistem ini dilengkapi dengan sistem keselamatan bagi mengelakkan penceroboh melihat pangkalan data. Setiap capaian akan memerlukan pengguna untuk autentikasi dan disahkan oleh sistem.

#### 2. Back-up data

- Sistem dapat menyimpan semula operasi normal daripada bencana. Perlu ada sandaran yang kedua bagi data untuk kesinambungan operasi.

#### 3. Kebolehpercayaan


- Sistem dijangka dapat bertindak seperti yang dikehendaki. Dengan demikian sistem dapat berfungsi untuk menjalankan operasinya.



### 3.5 Metodologi

Methodologi yang digunakan dalam projek ini adalah Model Prototaip.

Rajah 3.5a Model prototaip.



Satu model prototaip yang dibina akan diberikan kepada pengguna untuk percubaan awal. Reaksi daripada pengguna akan diambil kira untuk menghalusi lagi sistem ini. Keperluan sistem ini dapat dikenalpasti melalui reaksi dan maklumbalas dari pengguna dan seterusnya sistem akan diubahsuai dari masa ke semasa sehinggalah satu sistem yang lengkap diperolehi.





### 3.6 Pertimbangan ke atas teknologi bahasa pengaturcaraan

Kita perlu mengenalpasti bahasa pengaturcaraan yang sesuai untuk membangunkan sistem.

#### 3.6.1 Powerbuilder

Ia mula diperkenalkan pada 1991 dan berkembang dengan pesat hingga kini. Merupakan satu perisian pembanguna Windows untuk aplikasi 'Client/Server'. Antara kebaikannya ialah satu perisian yang berasaskan 'event-driven', adanya fungsi-fungsi terbina dalam 'built in function' yang boleh digunakan pada mana-mana komponen bagi aplikasi. Fungsi-fungsi juga boleh dicipta sendiri bagi perlaksanaan pemprosesan unik dalam aplikasi. Selain itu PB adalah satu perisian yang berorientasikan objek dimana ia mempunyai kelebihan dalam pewarisan dan penkapsulan. Ia juga menyokong pembangunan platform-silang ('cross-platform') iaitu aplikasi PB boleh dilaksanakan pada pelbagai platform termasuk platform Sun Solaris, UNIX, Windows 95/98 dan Macintosh.

#### 3.6.2 Visual Basic 6.0

Penggunaan pengaturcaraan dengan Visual Basic 6.0, pembangun sistem hanya perlu memberi penekanan kepada pengkodan dan logik untuk membentuk tettingkap dan komponennya yang lain seperti memaksimakan dan meminimakan butang.

Visual Basic 6.0 adalah salah satu bahasa pengaturcaraan yang digemari oleh pembangun-pembangun sistem kerana mempunyai ciri-ciri yang menarik. Ia berasaskan antaramuka pengguna bergrafik dan bersifat 'even-driven' di mana sesuatu objek boleh dibina dengan mnggunakan antaramuka dan kod untuk objek



tersebut dapat dibina dengan mudah. Setiap fungsi yang dilakukan oleh objek akan dikodkan dengan cepat kerana kerana penekanan hanya diberikan kepada fungsi yang akan dilakukan oleh objek tersebut. Tambahan pula masa untuk merekabentuk objek dapat dikurangkan dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan ini.

Program yang dibangunkan dengan bahasa pengaturcaraan ini amat sesuai dengan sistem pengendalian Microsoft Windows 95 atau yang lebih tinggi. Visual Basic ini juga menyokong pelbagai jenis pangkalan data Foxpro, MSAccess, Informix, Paradox dan DBASE.

Terdapat pelbagai fungsi bina dalam seperti 'Object Linking and Embedding (OLE)' dan 'Dinamic Data Exchange (DDE)' yang dapat membantu dalam membangunkan sistem ini.

Visual Basic 6.0 juga menyokong 'Open Database Connectivity (ODBC)' yang membolehkan capaian kepada pelayan dan pangkalan data tempatan termasuk Microsoft SQL Server, SyBaseSQL dan Oracle dalam persekitaran pelayan pelanggan.





### 3.7 Pertimbangan ke atas teknologi pangkalan data

Analisis telah dibuat untuk menentukan pengurusan sistem pangkalan data untuk menyimpan dan menguruskan data yang diperlukan. Pemilihan adalah berdasarkan kepada kegunaannya dan keberkesanannya dalam konteks ruang storan yang diperlukan dan kebolehbawaan rekod.

#### 3.7.1 SQL Server 6.5

Perbezaan asas antara Access dan pengurus pangkalan data 'Client/Server' seperti Microsoft SQL Server ialah RDBMS 'Client/Server' ini menyediakan pelbagai jenis operasi dalam 'Server' yang secara tradisinya melakukan aplikasi pangkalan data yang sedang beroperasi dalam stesen kerja 'client'. Perbezaan ini menjadikan SQL Server lebih sesuai digunakan dalam operasi LAN dalam sistem yang akan dibina ini. Sistem pangkalan data serta jadual boleh diuruskan dengan mudah dengan adanya alat bantu dalam antaramuka pengguna Windows Grafik.

#### 3.7.2 Ms Access 97

Microsoft Access 97 merupakan perisian sistem pengurusan pangkalan data hubungan yang digunakan untuk membina pangkalan data. Bersama-sama dengan pemacu ODBC bagi Access, data boleh dipanggil semula daripada pangkalan data di dalam sistem berasaskan pelanggan/pelayan. Microsoft Access adalah serasi dengan Visual Basic dan senang untuk dipautkan dengan pangkalan data Access.

Microsoft Access 97 telah memperkenalkan format fail baru yang dikenali sebagai MDE. Format ini elok digunakan apabila pangkalan data mengandungi kod





Visual Basic. Apabila pangkalan data disimpan dalam format ini, Access akan mengkompil kesemua modul, memindahkan semua kod sumber yang boleh edit dan memampatkan destinasi pangkalan data. Pemindahan kod Visual Basic ini juga boleh mengurangkan saiz fail dan meningkatkan penggunaan ruang ingatan untuk prestasi yang lebih baik.

#### 1. Sokongan pangkalan data

Access 97 memberi sokongan penuh terhadap penggunaan Internet. Pengguna boleh menggabungkan hiperpautan ke laman-laman web di dalam Internet, Intranet atau fail-fail yang terdapat pada komputer persendirian di dalam bentuk Access. Microsoft Access 97 mempunyai borang, laporan dan modul kelas tahap asas. Modul kelas ini bertindak sebagai templet untuk membina objek. Kelas modul ini mengandungi sifat(properties) dan kaedah. Selepas modul ini disediakan, objek boleh dicipta di dalam ingatan, kemudian sifat disetkan dan memanggil kaedah tersebut untuk melaksanakan fungsi. Pendekatan ini adalah berkuasa kerana ia membenarkan pengaturcara untuk membina modul piawai yang boleh digunakan berulang-ulang kali sepanjang pembinaan program.



### 3.8 Kesimpulan ke atas analisis teknologi

Setelah kajian dibuat, CSStaff ini akan dibina dengan menggunakan Visual Basic 6.0 kerana

1. Sokongan pangkalan data
  - Menyediakan sokongan terhadap sistem pangkalan data.VB6 ini juga boleh menyokong beberapa format pangkalan data seperti SQL, Access, Paradox dan FoxPro.
2. Menyokong komponen pra-binaan untuk menyokong pembangunan yang cepat.

Sebagai tempat untuk penyimpanan data pula, Ms Access 97 telah dipilih kerana sistem ini dianggarkan tidak akan menangani jumlah data yang banyak.





### 3.9 Keperluan dan Spesifikasi Perkakasan

Keperluan Perkakasan	Minima	Yang Dicadangkan
Pemprosesmikro (CPU)	486/66 DX	Pentium
RAM	8 MB	16 MB
Ruang kosong Cakera Keras Untuk Perisian	10 MB	10 MB
Ruang kosong Cakera Keras Untuk Data	10 MB	100 MB
Monitor	VGA	SVGA
Peranti Output	Pencetak Dot Matrik	Pencetak Buble Jet
Peranti Input	Tetikus,	Papan Kekunci
Cakera Keras	1 GB	2.1 GB
Color Display	16 – bit	24 – bit
Sistem Pengoperasian	Windows 95	Windows 98

### 3.10 Keperluan Perisian

- Perisian
  - MS Visual Basic 6.0 – Enterprise Edition
- Pangkalan Data
  - Microsoft SQL Server
- Lain-lain
  - PhotoShop 5.0 : untuk menyunting gambar untuk dimasukkan ke dalam sistem
  - MS Word 97 : untuk tujuan manual pengguna



## BAB 4

## Rekabentuk Sistem

**BAB 4**

